



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(LUAS)

## IKLAN JAWATAN KOSONG LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

Bil.	Skim Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Kelayakan Pelantikan	Taraf Lantikan	Kekosongan
1.	Penolong Jurutera (Awam)	Pekerja Sambilan Harian	Diploma/STPM	Kontrak (Minimum ; 3 Bulan)	1

JAWATAN : **PENOLONG JURUTERA (AWAM)**  
TARAF JAWATAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN  
KADAR UPAH : RM72.00 SEHARI

### **SYARAT LANTIKAN**

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - (c) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - (d) Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki lesen memandu Kelas B2/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] serta mempunyai kenderaan sendiri; dan
  - (e) sihat tubuh badan.

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **TEMPOH PERKHIDMATAN**

- (1) Tempoh perkhidmatan PSH hendaklah tidak melebihi tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi

### **SYARAT PERMOHONAN**

- (1) Permohonan hendaklah menggunakan borang Pindaan. LUAS 2/2007 yang boleh diperolehi di Portal LUAS <https://www.luas.gov.my>

- (2) Penetapan pelantikan pegawai Perkhidmatan Awam di pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut ;
- (a) Pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
  - (b) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
  - (c) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun.

Pembuktian bagi mana-mana syarat pada perenggan seperti maksud di atas hendaklah dikemukakan melalui dokumen yang sah di sisi undang-undang dan **beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.**

- (3) Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan dokumen yang berikut **(keperluan pengesahan dokumen berkaitan tidak diperlukan):**
- (a) Salinan Kad Pengenalan.
  - (b) Salinan Surat Beranak.
  - (c) Salinan sijil PMR/SPM/SVM  
\*mana-mana yang berkaitan
  - (d) Salinan Sijil Berhenti Sekolah terakhir
  - (e) Salinan sijil-sijil kelayakan akademik dan salinan transkrip bagi sijil yang berkenaan.
  - (f) Gambar berukuran pasport.
- (4) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
- (5) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- (6) Pihak LUAS tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.
- (7) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis nama jawatan yang dipohon di sebelah atas kiri sampul surat berkenaan dengan **HURUF BESAR.**

## **ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Permohonan yang lengkap berserta *resume* hendaklah dihantar ke alamat tertera atau emel seperti berikut ;

- (1) **PENGARAH,  
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR,  
TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14,  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.  
(U/P : UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INTEGRITI)**
- (2) **[hrgroups@luas.gov.my](mailto:hrgroups@luas.gov.my)**

Sebelum atau pada 12 November 2021 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari.